

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 11 Disember 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS PEMBANGUNAN RAKYAT MALAYSIA (MHDI) 2022

Prestasi Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (MHDI) meningkat 1.2 peratus kepada 0.816 pada 2022 dan berada di tahap pembangunan sangat tinggi

PUTRAJAYA, 11 DISEMBER 2023 – Pada hari ini, buat julung kalinya Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan Laporan Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia/ *Malaysia Human Development Index* (MHDI) tahun 2022. Indeks ini dibangunkan sebagai instrumen bagi menilai tahap pembangunan manusia dalam mengukur kemajuan sesebuah negara selain daripada aspek ekonomi. MHDI meliputi tiga dimensi utama iaitu umur yang panjang dan kehidupan yang sihat; akses kepada pengetahuan dan taraf hidup yang baik. Indeks ini dibangunkan berdasarkan Laporan *Human Development Index* (HDI) dari *United Nations Development Programme* (UNDP). MHDI adalah salah satu indikator yang boleh digunakan untuk menganalisis pembangunan sosio-ekonomi sesebuah negara dan pembangunan manusia di sesebuah negara. Indikator MHDI juga merupakan salah satu daripada tujuh penanda aras dalam ekonomi madani dan sebagai sasaran jangka sederhana yang ingin dicapai dalam tempoh 10 tahun. Statistik utama yang dipaparkan dalam laporan ini adalah warganegara Malaysia.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “MHDI dinilai berdasarkan tiga dimensi utama iaitu umur yang panjang dan kehidupan yang sihat; akses kepada pengetahuan dan taraf hidup yang baik. Dimensi umur yang panjang dan kehidupan yang sihat terdiri daripada satu indikator iaitu jangkaan hayat ketika lahir. Dimensi akses kepada pengetahuan terbahagi kepada dua indikator iaitu jangkaan tahun persekolahan dan purata tahun persekolahan. Dimensi taraf hidup yang baik meliputi satu indikator iaitu Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita”.

Terdapat empat kategori skor tahap pembangunan iaitu kategori pertama di bawah 0.550 (rendah); kategori kedua 0.550 hingga 0.699 (sederhana); kategori ketiga 0.700 hingga 0.799 (tinggi) dan kategori keempat 0.800 dan ke atas (sangat tinggi). Pengukuran ini menunjukkan semakin tinggi nilai skor diperoleh semakin baik tahap pembangunan rakyat.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir, "Prestasi MHDl pada 2022 menunjukkan skor indeks meningkat 1.2 peratus kepada 0.816 berbanding 0.806 pada 2021. Berdasarkan skor ini, MHDl berada di kategori tahap pembangunan sangat tinggi. Analisis mengikut indeks dimensi menunjukkan skor indeks tertinggi yang dicatatkan pada 2022 adalah Indeks Pendapatan Negara Kasar (PNK) dengan skor 0.872, diikuti Indeks Jangkaan Hayat dengan skor 0.823 dan Indeks Pendidikan dengan skor 0.757. Kesemua indeks berada di tahap pembangunan sangat tinggi kecuali Indeks Pendidikan mencatatkan tahap pembangunan tinggi".

Skor **Indeks Jangkaan Hayat** menurun 0.4 peratus kepada 0.823 pada 2022 berbanding 0.826 pada 2021. Ini disebabkan oleh peningkatan lebih kematian semasa pandemik COVID-19. Pada tempoh sama, skor **Indeks Pendidikan** meningkat 1.5 peratus kepada 0.757 berbanding 0.746. Dua indikator iaitu jangkaan tahun persekolahan dan purata tahun persekolahan menyumbang kepada peningkatan Indeks Pendidikan ini. **Indeks PNK** meningkat 2.5 peratus kepada 0.872 pada 2022 berbanding 0.851 pada 2021 berikutan prestasi ekonomi yang memberangsangkan dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 8.7 peratus pada 2022. Indeks PNK berada dalam julat 0.820 hingga 0.848 dalam tempoh 2015 hingga 2020.

Prestasi MHDl mengikut negeri

Lapan (8) negeri berada di tahap pembangunan sangat tinggi pada 2022. Negeri yang mencatatkan skor MHDl tertinggi adalah W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya dengan skor 0.886. Ini diikuti Selangor (0.842), W.P. Labuan (0.839), Pulau Pinang (0.830), Sarawak (0.824), Negeri Sembilan (0.817), Melaka (0.810) dan Pahang (0.803). Manakala, negeri yang mencatatkan tahap pembangunan tinggi ialah Johor (0.794), Perak (0.791), Terengganu (0.787), Sabah (0.772), Kedah (0.771), Perlis (0.768) dan Kelantan (0.752).

Tiga negeri yang mencatatkan peningkatan mata indeks tertinggi ialah Selangor iaitu 0.032 mata indeks kepada 0.842 pada 2022 berbanding 0.810 pada 2021, diikuti Sarawak mencatatkan 0.009 mata indeks kepada 0.824 berbanding 0.815 pada tempoh sama. Negeri Sembilan juga meningkat 0.009 mata indeks daripada 0.808 pada 2021 kepada 0.817 pada 2022. Manakala, Pulau Pinang kekal pada skor 0.830 bagi kedua-kedua tahun. Tiga negeri yang merekodkan penurunan mata indeks ialah Melaka iaitu menurun 0.003 mata indeks daripada skor 0.813 kepada 0.810 dan Perlis menurun 0.001 mata indeks daripada skor 0.769 kepada 0.768. Ini diikuti W.P. Labuan yang menyusut 0.001 mata indeks daripada 0.840 kepada 0.839 pada tempoh sama. Pahang adalah satu-satunya negeri yang berubah dari skala tinggi pada 2021 (0.796) kepada sangat tinggi (0.803) pada 2022.

Laporan Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia, 2022 boleh dimuat turun secara percuma di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (www.dosm.gov.my).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricsensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA


JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

11 DISEMBER 2023

Carta 1: Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (MHDI), 2015 - 2022



Paparan 1: Skor MHDI mengikut Negeri, 2021 dan 2022



Nota:

- *Termasuk W.P. Putrajaya
- Data merujuk kepada warganegara Malaysia

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200, Monday, 11 December 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MALAYSIA HUMAN DEVELOPMENT INDEX (MHDI) 2022

The performance of Malaysia Human Development Index (MHDI) increased by 1.2 per cent to 0.816 in 2022 and at a very high level of development

PUTRAJAYA, 11 DECEMBER 2023 – Today, for the first time, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) has published the Malaysia Human Development Index (MHDI) Report for 2022. This index is developed as an instrument to evaluate the level of human development in measuring the progress of a country aside from economic aspects. MHDI comprises three main dimensions namely long and healthy life; access to knowledge and a decent standard of living. This index is developed based on Human Development Index (HDI) Report from United Nations Development Programme (UNDP). MHDI is one of the indicators which can be used to analyse socio-economic development status of the nation and describe human development in a nation. The MHDI indicator is also one of the seven benchmarks in the madani economy and as a medium-term target to be achieved within 10 years. The main statistics presented in this report covers Malaysian citizens.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said “The MHDI is measured based on three main dimensions namely long and healthy life; access to knowledge and a decent standard of living. The long and healthy life dimension consists of one indicator which is life expectancy at birth. The access to knowledge dimension comprises two indicators namely expected years of schooling and mean years of schooling. The decent standard of living dimension consists of one indicator which is the Gross National Income (GNI) per capita”.

There are four categories of development level scores, namely the first category below 0.550 (low); second category 0.550 to 0.699 (medium); the third category 0.700 to

0.799 (high) and the fourth category 0.800 and above (very high). This measurement indicates that the higher the score value obtained, the better the level of Malaysia's development.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir, "The performance of the MHDl in 2022 showed that the index score increased by 1.2 per cent to 0.816 as compared to 0.806 in 2021. Based on this score, MHDl is at a very high level of development category. An analysis by dimension index shows that the highest index score recorded in 2022 is Gross National Income Index (GNI) with a score of 0.872, followed by the Life Expectancy Index with a score of 0.823 and the Education Index with a score of 0.757. All indices are at a very high level of development except for the Education Index that registered high level development".

The **Life Expectancy Index** score decreased by 0.4 per cent to 0.823 in 2022 as compared to 0.826 in 2021. This is due to the increase in the number of excess deaths during the COVID-19 pandemic. In the same period, the **Education Index** score rose by 1.5 per cent to 0.757 as compared to 0.746. Two indicators namely expected years of schooling and mean years of schooling contribute to the increase of this Education Index. The **GNI Index** improved by 2.5 per cent to 0.872 in 2022 as compared to 0.851 in 2021 due to improved economic performance with Gross Domestic Product (GDP) growth of 8.7 per cent. GNI Index fall in the range 0.820 to 0.848 during the period 2015 to 2020.

Performance of MHDl by state

Eight (8) states were at a very high level of development in 2022. The state with the highest MHDl score was W.P. Kuala Lumpur and W.P. Putrajaya with a score of 0.886. This is followed by Selangor (0.842), W.P. Labuan (0.839), Pulau Pinang (0.830), Sarawak (0.824), Negeri Sembilan (0.817), Melaka (0.810) and Pahang (0.803). Meanwhile, states that registered high level of development were Johor (0.794), Perak (0.791), Terengganu (0.787), Sabah (0.772), Kedah (0.771), Perlis (0.768) and Kelantan (0.752).

The three states that recorded the highest increase in index points were Selangor which was 0.032 index points to 0.842 in 2022 as compared to 0.810 in 2021, followed by Sarawak registered 0.009 index points to 0.824 as compared to 0.815 in the same period. Negeri Sembilan also increased by 0.009 index points from 0.808 in 2021 to 0.817 in 2022. Meanwhile, Pulau Pinang remained at a score of 0.830 for both years. The three states that recorded a decrease in index points were Melaka which decreased by 0.003 index points from a score of 0.813 to 0.810 and Perlis decreased by 0.001 index points from a score of 0.769 to 0.768. This is followed by W.P. Labuan which decreased by 0.001 index points from 0.840 to 0.839 in the same period. Pahang was the only state that changed from high scale in 2021 (0.796) to very high (0.803) in 2022.

The Malaysia Human Development Index Report, 2022 can be downloaded for free at the Department of Statistics Malaysia portal (www.dosm.gov.my).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

11 DECEMBER 2023

Chart 1: Malaysia Human Development Index (MHDl), 2015 - 2022





Exhibit 1: MHDl Score by State, 2021 and 2022



Notes:

1. *Include W.P. Putrajaya
2. Data refer to Malaysian citizens